

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, August 26, 2019 12:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: APYS Mantapkan Kepimpinan Dan Kemahiran Mahasiswa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 OGOS 2019 / 25 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: PPA COB

APYS MANTAPKAN KEPIMPINAN DAN KEMAHIRAN MAHASISWA



UUM ONLINE: Mengangkat tema Empowering Youth for Sustainable Development, Asia Pacific Youth Summit 2.0 (APYS) telah dilangsungkan dengan jayanya di Berjaya Hotel, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Kira-kira 90 delegasi dari pelbagai negara terdiri daripada pelajar di enam institusi pengajian tinggi membabitkan negara Malaysia, Thailand dan Indonesia.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, sidang kemuncak 3 hari itu adalah program tahunan yang dianjurkan oleh BGS Chapter UUM yang ditubuhkan pada 2017 dan PPA COB.

“Menariknya acara ini hasil usaha para pelajar yang bekerja keras penuh dedikasi membuat persediaan berbulan-bulan lebih awal dalam menjayakan APYS 2019 walaupun menghadapi banyak cabaran dalam merealisasikannya.

“Tahniah kepada para pelajar dan semua yang terlibat menjayakan ini kerana tanpa anda, acara ini tidak mungkin berlangsung dan satu penghormatan kepada saya berada di sini untuk merasmikan acara ini,” ujarnya.

Beliau optimis para pelajar akan mendapat pengalaman berharga menerusi pelbagai aktiviti yang diadakan seperti lawatan industri, jejak warisan, pertandingan poster, meluaskan jaringan dan nasihat kerjaya.

“UUM terus menyokong setiap program yang akan membantu dalam apa-apa bentuk pembangunan pelajar seterusnya mewujudkan pemimpin masa depan yang boleh menjadi seimbang dan menyumbang kepada warga global.

“Terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama padu dengan melibatkan minda belia dalam merancang satu acara yang memberi manfaat kepada pelajar serta memupuk hubungan sinergi antara UUM dan industri,” ucapnya.

Menurut Pengarah program, Teo Li Lee seminar ini menampilkan penceramah dari pemimpin industri dan tokoh terkenal seperti YM Raja Azura Raja Mahyuddin, Rizmel Nazrin dan Hans Weemaes yang berkongsi pengalaman hebat dari aspek cabaran, pegangan hidup serta cara komunikasi berkesan untuk membina hubungan yang luas dengan industri korporat.

Selain membuka peluang rangkaian, lawatan industri, lawatan lapangan ke Georgetown yang merupakan salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO dan pertandingan poster turut diadakan.

“Sambutan hangat daripada peserta BGS dan pelajar antarabangsa dan sudah semestinya banyak perkara yang ditimba daripada program ini.

“Peserta dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat melalui Senior Engagement di mana kohort pertama hadir ke program ini untuk berkongsi pengalaman mereka serta memberi inspirasi kepada kohort baharu.

Selain itu tambahnya, acara Heritage Trail pula menguji ketahanan minda dengan cabaran yang memerlukan daya ketahanan fizikal dan mental mereka.

“Saya teruja dapat menghadiri program yang memberi banyak pengalaman baru kepada saya paling mencabar ketika berusaha untuk membina hubungan dengan industri dan Korporat

“Saya berharap program ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan dan menarik lebih ramai peserta untuk menyertai program ini,” luahnya dalam program dengan kerjasama Maybank.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.